



# **PINDAAN ATURAN PEMBIAYAAN AL TAWARRUQ**

**ATURAN PEMBIAYAAN AL TAWARRUQ  
KOPERASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA BERHAD**

- ~~~~~
- Tajuk**            1.    i.    Aturan ini dinamakan sebagai 'Aturan Pembiayaan Al Tawarruq Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad'.
- ii.    Aturan ini diwujudkan di bawah Undang – Undang Kecil 45(2)(w) Koperasi dan berkuatkuasa selepas persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi.
- Tafsiran**            2.    Di dalam aturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maksudnya, maka tafsiran berikut adalah digunakan:
- 'Koperasi'            bermaksud Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.
- 'Anggota'            bermaksud anggota Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.
- 'Lembaga'            bermaksud Lembaga Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.
- 'Penjamin'            bermaksud anggota Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad yang mempunyai caruman berturutan dan menjamin anggota lain dalam perkara membuat pinjaman atau pembiayaan barangan.
- 'Pembiayaan'        Bermaksud pembiayaan peribadi tunai.
- 'Al Tawarruq'        bermaksud kontrak jual beli yang bertujuan untuk pembiayaan.
- 'Wakalah'            bermaksud kontrak perwakilan.
- 'Ta'widh'            bermaksud caj lewat yang dikenakan ke atas bayaran yang tertunggak.
- 'Ibra''                bermaksud rebat atau potongan ke atas penyelesaian awal pembiayaan.
- Maksud**            3.    Bagi maksud aturan – aturan ini, pembiayaan Al Tawarruq merupakan pembiayaan yang dikeluarkan kepada anggota Koperasi untuk digunakan bagi pelbagai tujuan.
- Sumber Kewangan**    4.    Sumber kewangan pembiayaan Al Tawarruq ini diperolehi daripada:
- i.    Yuran anggota.
- ii.    Tabung Modal Pusingan.
- iii.    Pembiayaan dengan pihak bank atau luar seperti Tabung Modal Pusingan (TMP) oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), dan sebagainya.

**Syarat dan Kelayakan**

5. Lembaga melalui Mesyuarat Agung telah menetapkan bahawa syarat asas dan kelayakan untuk membuat pembiayaan adalah seperti berikut:
- i. Mestilah terdiri daripada anggota Koperasi dan mempunyai jumlah syer yang ditetapkan (RM 1000.00).
  - ii. Jumlah pembiayaan adalah pada kadar maksimum sebanyak RM 150,000.00 atau jumlah yang dipersetujui Lembaga daripada semasa ke semasa tidak melebihi sebanyak RM 200.000.00.
  - iii. Bagi anggota staf UTM, hendaklah berjawatan tetap dan telah disahkan jawatan, tempoh pembiayaan boleh melebihi tempoh persaraan dengan maksima 24 bulan dengan syarat baki/tunggakan pembiayaan sewaktu 2 bulan sebelum bersara hendaklah tidak melebihi jumlah keseluruhan Modal Syer dan Modal Yuran.
  - iv. Jumlah potongan gaji tidak melebihi 60% daripada gaji anggota dan Debit Service Ratio (DSR) hendaklah tidak melebihi 50%.
  - v. Surat rayuan beserta dokumen – dokumen sokongan seperti penyata punca pendapatan yang lain, penyata bank 3 bulan terakhir dan penyata pendapatan pasangan hendaklah dikemukakan bersama – sama dengan borang pembiayaan apabila anggota memohon pinjaman lebih daripada jumlah kelayakan.
  - vi. Tempoh maksimum bayaran balik pembiayaan bagi anggota staf UTM adalah selama 10 tahun dan pembayaran akhir adalah dua (2) bulan sebelum tarikh persaraan. (Tidak tertakluk kepada perkara (iii) di atas).
  - vii. Kadar keuntungan pembiayaan Al-Tawarruq akan dikenakan ke atas jumlah pembiayaan pada kadar antara 4.5% sehingga 7.5% setahun kadar “flat rate” bergantung kepada jenis pembiayaan
  - viii. Permohonan pembiayaan semula melalui kaedah pembiayaan bertindih (overlapping) hanya boleh dibuat setelah satu (1) tahun potongan gaji pembiayaan yang terdahulu.
  - ix. Bagi anggota subsidiari UTM, kelayakan adalah seperti berikut:
    - a) Berjawatan tetap, telah disahkan jawatan dan hendaklah melebihi 3 tahun perkhidmatan;
    - b) Jumlah maksimum had keberhutangan pembiayaan Al Tawarruq adalah RM 50,000.00.

- c) Jumlah potongan gaji tidak melebihi 60% daripada gaji anggota dan Debit Service Ratio (DSR) hendaklah tidak melebihi 50%;
  - d) Tempoh maksimum bayaran balik pembiayaan adalah sepuluh (10) tahun dan bayaran perkhidmatan yang dikenakan adalah sama sebagaimana di atas.
  - e) Jika perlu, hendaklah mempunyai 2 orang penjamin (anggota staf UTM sahaja) dan 2 orang saksi yang terdiri daripada anggota staf UTMSPACE dan/atau anggota staf UTM.
- x. Anggota telah bersara layak membuat pinjaman Al Tawarruq tidak melebihi RM 1000.00 dan pembiayaan Al Murabahah tidak melebihi RM 1500.00 . Tempoh maksimum bayaran balik pinjaman atau pembiayaan adalah selama satu (1) tahun. Cara bayaran balik pembiayaan adalah melalui 'Arahan Bank' ('*Standing Instruction*') atau '*post-dated cheque*'.

- Permohonan 6.** Bagi tujuan membuat pembiayaan Al Tawarruq ini, anggota dimestikan melalui proses – proses berikut:
- i. Mengisi borang pembiayaan Al Tawarruq yang disediakan termasuk butiran penjamin sekiranya perlu.
  - ii. Menyertakan salinan kad pengenalan bersama – sama dengan Salinan slip gaji tiga (3) bulan terkini yang telah disahkan oleh Bendahari UTM dan juga penjamin sekiranya perlu.
  - iii. Bersetuju dan menyatakan jumlah pembiayaan yang dimohon mengikut kelayakan.
  - iv. Beraqad dengan Aqad pembiayaan Al-Tawarruq setelah persetujuan telah dipersetujui.


- Penjamin 7**
- i. Penjamin tidak diperlukan sekiranya jumlah pembiayaan tidak melebihi daripada jumlah Modal Yuran dan Modal Syer di darab dengan 1.3 hingga 2.0 dengan kelulusan Lembaga.
  - ii. Bagi anggota staf UTM berjawatan tetap daripada kategori 41 dan ke atas yang telah mencarum Modal Yuran genap dua belas (12) bulan dibenarkan dengan seorang (1) penjamin setara jawatan atau lebih tinggi memadai.
  - iii. Mana – mana pemohon yang tidak memenuhi syarat (i) dan (ii) memerlukan dua (2) orang penjamin.

- |   |            |  |
|---|------------|--|
| <b>Proses dan Keputusan</b>               | <b>8.</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lembaga mempunyai kuasa mutlak bagi meluluskan permohonan anggota untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan mengikut anggaran kelayakan atau lebih berdasarkan aturan yang telah diluluskan.</li> <li>ii. Segala kelulusan dibuat di dalam Mesyuarat Lembaga bagi meluluskan permohonan pembiayaan.</li> <li>iii. Semua pemohon yang berjaya hendaklah membaca dan meneliti, memahami, dan menandatangani surat perjanjian pembiayaan mengikut syarat – syarat yang telah ditetapkan.</li> <li>iv. Pemohon yang berjaya perlu membayar wang proses seperti mana yang telah ditetapkan oleh Koperasi.</li> <li>v. Membayar duti setem seperti yang telah ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).</li> </ul> |
| <b>Kaedah Pembayaran Balik Pembiayaan</b> | <b>9.</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Potongan gaji melalui Bendahari (UTM/Subsidiari UTM/Koperasi).</li> <li>ii. Bayaran secara tunai bagi kes – kes khas yang telah diluluskan oleh Lembaga adalah melalui 'Arahan Bank' ('Standing Instructions') atau 'post-dated cheque' atau secara 'bank in' dengan syarat peminjam hendaklah membuat bayaran pendahuluan tiga (3) bulan ansuran.</li> <li>iii. Sekiranya bayaran secara tunai berlaku kelewatan, sila rujuk Perkara 12 di bawah.</li> <li>iv. Sekiranya terdapat bayaran terlebih bayar, pihak Koperasi akan memulangkan amaun yang terlebih bayar tersebut.</li> </ul>  |
| <b>Tabungan Sekuriti</b>                  | <b>10.</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tabungan ini diwujudkan dengan tujuan untuk menjaga kepentingan Koperasi daripada mengalami kerugian ke atas kematian atau hilang upaya kekal pemohon.</li> <li>ii. Jumlah potongan adalah menyamai kadar yang ditetapkan oleh Syarikat Takaful Malaysia.</li> <li>iii. Tabungan Sekuriti akan dikembalikan jika pinjaman diselesaikan lebih awal daripada tempoh yang sepatutnya mengikut kadar perkiraan yang telah ditentukan.</li> </ul>   |
| <b>Ibra' Atas Penyelesaian Awal</b>       | <b>11</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Anggota yang membuat penyelesaian awal dari tempoh dalam perjanjian akan diberikan ibra' iaitu potongan tertentu.</li> <li>ii. Kadar ibra' adalah berdasarkan formula yang diguna pakai oleh syarikat kewangan dan berlandaskan prinsip patuh syariah.</li> </ul>  |

**Caj  
Kelewatan  
Bayaran**


- 12 i. Anggota yang tertunggak bayaran dan telah dimaklumkan oleh pihak koperasi atas bayaran tertentu serta melanggar tempoh yang diberikan akan dikenakan Ta'widh atau denda.
- ii. Kadar denda dikenakan ialah 1.0% atas baki tertunggak untuk setiap hari selepas 15 hari bulan bagi bulan berikutnya.

Aturan Pembiayaan Al Tawarruq ini telah diluluskan pada Mesyuarat Agung Perwakilan pada 30 Jun 2018 bertempat di Dewan Senat, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).



---

EN. AZRI BIN HOHAD  
Pengerusi



---

HJ. ANSAR BIN SIDEK  
Setiausaha



---

EN. MUHAMMAD TARIQ BIN RAHMALAN  
Bendahari